



# GARIS PANDUAN SURAU LESTARI

## **IMARAH GREEN PROJECT SURAU APIUM**



Sustainability  
Science



UNIVERSITY OF MALAYA  
LIVING LABS



## **SENARAI KANDUNGAN**

SEKAPUR SIREH: PENGARAH APIUM

KATA-KATA ALUAN DEKAN SUSTAINABILITY SCIENCE RESEARCH CLUSTER, UM

CARTA ORGANISASI PENGERAK IMARAH GREEN PROJECT: SURAU APIUM

1.0 PENGENALAN KONSEP MASJID LESTARI

2.0 IMARAH GREEN PROJECT: SURAU APIUM

    2.1 OBJEKTIF IMARAH GREEN PROJECT

3.0 GARIS PANDUAN QUR'AN & SUNNAH DALAM AMALAN KELESTARIAN SURAU

4.0 AMALAN SURAU LESTARI:

    4.1 MENJIMATKAN PENGGUNAAN AIR

    4.2 MENJIMATKAN PENGGUNAAN TENAGA

    4.3 MENGURUSKAN SISA SECARA BERSEPADU

    4.4 MENGHIJAUKAN PERSEKITARAN & MENINGKATKAN BIODIVERSITI

5.0 CABARAN PELAKSANAAN BUDAYA LESTARI

6.0 RAKAN STRATEGIK

7.0 GALERI FOTO



## SEKAPUR SIREH PENGARAH AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,***

Melihat kepada harapan SuSci dalam pelaksanaan projek “Living Lab” di Universiti Malaya yang mencakupi aspek pembangunan persekitaran fizikal yang seimbang dengan nilai spiritual, para penyelidik telah mengambil inisiatif untuk membangunkan kapasiti fizikal dan sumber manusia yang ada di Surau APIUM sebagai model Surau lestari yang boleh dicontohi oleh institusi Islam yang lain. Pelaksanaan “Imarah Green Project” yang telah memasuki fasa kedua ini, ternyata telah memberi impak yang positif dalam meluaskan persepsi warga APIUM terhadap peranan mereka untuk sama-sama menjayakan objektif-objektif yang digariskan dalam *UM Eco-Campus Blueprint* secara praktikal dan konsisten.

Pemilihan Surau APIUM sebagai fokus dalam gerak kerja Living Lab ini merupakan langkah yang sangat signifikan untuk memberikan pendidikan alam sekitar yang bersepadu antara ilmu-ilmu Islam dan Sains kepada masyarakat Islam. Surau atau masjid bukan sahaja diimarahkan secara kerohanian semata-mata (amalan ritual seperti solat dan pengajuran kuliah fekah, akidah atau ibadah sahaja), tetapi turut diselaraskan dengan tuntutan Islam yang mementingkan amalan kebersihan, penghijauan persekitaran, penjimatatan tenaga, penjimatatan air, dan pengurusan sisa secara sistematik. Jika ditinjau secara umumnya, keadaan fizikal surau dan masjid di Malaysia, masih perlu ditambah baik dari segi amalan kebersihan, keceriaan dan kelengkapan infrastruktur yang mesra alam. Justeru, sebuah model surau lestari yang berasaskan penyelidikan kelestarian (*Sustainability Science*) yang dibangunkan di Universiti Malaya ini wajar diketengahkan kepada masyarakat luar untuk dikembangkan lagi pelaksanaannya di peringkat masjid-masjid dan surau yang terdapat di bawah pengurusan JAWI khususnya, dan negeri-negeri lain amnya.

Sehubungan itu, buku Garis Panduan Surau Lestari yang berasaskan pengalaman pelaksanaan di Surau APIUM ini diterbitkan bagi menyampaikan maklumat-maklumat asas yang boleh digunakan oleh institusi lain di Malaysia, dengan harapan langkah-langkah mudah dan praktikal ini terus diaplikasikan secara berperingkat tanpa meletakkan pelbagai kekangan seperti kekurangan dana, tiada kepakaran, tiada panduan, atau pelbagai lagi alasan lain. Marilah kita bersama-sama menonjolkan keindahan Islam melalui penghayatan budaya lestari yang diterapkan dalam pembangunan masjid lestari di semua peringkat. Semoga usaha murni ini terus kita gembeleng secara bersepadu dan kolektif agar dapat memberi manfaat yang besar kepada ummat Islam untuk memainkan peranannya sebagai khalifah di muka bumi ini.

### **PROFESOR DATO' DR. ZULKIFLI MOHD YUSOFF**

Pengarah

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya



## KATA-KATA ALUAN DEKAN KLUSTER PENYELIDIKAN SUSTAINABILITY SCIENCE (SuSci) UNIVERSITI MALAYA

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Bagi pihak Kluster Penyelidikan Sustainability Science Universiti Malaya dan *University of Malaya Living Labs (UM LL)*, saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas keizinan-Nya, maka terhasillah sebuah dokumen dalam format garis panduan yang merupakan salah satu *output* projek penyelidikan *University of Malaya Living Labs* bertajuk ‘*Transforming the Role of Surau APIUM for Campus Sustainability through Imarah Green Project (LL031-16SUS)*’.

Menyedari hakikat bebanan alam sekitar dan krisis kelestarian yang kian hari semakin serius, ***University of Malaya Living Labs* dicetuskan sebagai sebuah inisiatif kolektif Universiti Malaya melalui Kluster Penyelidikan Sustainability Science dengan sokongan daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)** dalam usaha membangunkan kampus Universiti Malaya sebagai sebuah universiti terkemuka di Malaysia dan di dunia bertaraf eko-kampus. Kesemua projek di bawah geran *UM Living Labs* bersifat merentas disiplin ilmu serta kepakaran, mempromosikan konsep *action research*, dan memberikan sumbangan secara langsung demi manfaat warga kampus Universiti Malaya berdasarkan kepada aspirasi 8 Bidang Teras Pelan Pembangunan Eko-Kampus Universiti Malaya (*UM Eco-Campus Blueprint*).

Justeru, penghasilan **Garis Panduan Surau Lestari ‘Imarah Green Project Surau APIUM’** bersesuaian dengan temanya ‘*Be Green, Be Exemplary*’ diharapkan dapat menjadi **sebuah dokumen rujukan kepada institusi masjid dan surau khususnya di Malaysia**. Garis Panduan ini memaparkan beberapa Amalan Terbaik (*best practices*) Surau Lestari yang bersifat asas untuk dijadikan panduan seperti penjimatan air dan tenaga elektrik, pengurusan sisa secara bersepadu, dan penghijauan persekitaran masjid atau surau. Keseluruhan pengisian garispanduan adalah bersifat umum, mesra pengguna dan pelaksana dan sesuai untuk dijadikan bahan rujukan, insya-Allah.

Pihak kami amat memandang positif inisiatif seumpama ini dan mengharapkan kerjasama holistik daripada semua pihak khususnya institusi pengurusan masjid dan surau, begitu juga kepada warga penggunanya untuk sama-sama memainkan peranan aktif dalam mengaplikasi dan menjayakan inisiatif eko-surau ini. Inisiatif ini bersesuaian dengan aspek penjagaan kebersihan yang meliputi fizikal, rohani dan persekitaran sebagaimana yang terkandung dalam salah satu Hadis 40 Imam Nawawi dengan merujuk kepada petikan mafhum hadis Rasulullah S.A.W yang disampaikan oleh Abu Malik al-Haris ibn `Asim al-Asy'ari r.a yang bermaksud:

**‘Kebersihan merupakan salah satu bahagian daripada iman...’**  
[Hadis Riwayat Imam Muslim]

Semoga garis panduan ini bermanfaat dan dapat dimanfaatkan sebaiknya demi kemaslahatan bersama, pembangunan institusi masjid dan surau yang lestari, dan kelestarian alam kurniaan Allah untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR MADYA DR. SUMIANI YUSOFF**

Dekan, Kluster Penyelidikan Sustainability Science Universiti Malaya

## CARTA ORGANISASI PENGERAK IMARAH GREEN PROJECT: SURAU APIUM



KETUA PENYELIDIK:  
DR. ASMAAWATI MUHAMAD



PROF. DATO' DR. ZULKIFLI MOHD YUSOFF



PROF. MADYA DR. SUMIANI YUSOFF



PROF. MADYA DR. MOHD ROSLAN MOHD NOOR



DR. ZEEDA FATIMAH MOHAMAD



DR. MUHAMAD ALIHANAFIAH NORASID



DR. NURUL HUSNA MANSOR



DR. NUR SHAHIDAH PAAD

## **1.0 PENGENALAN KONSEP “ECO-MOSQUE”**

Mutakhir ini, masyarakat Islam di segenap penjuru dunia semakin terpanggil untuk menerapkan konsep mesra alam dan aplikasi teknologi hijau dalam pembangunan masjid, surau, dan pesantren (sekolah agama). Ini selaras dengan anjuran Quran dan Sunnah yang amat menitikberatkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk menjaga kelestarian dan keseimbangan alam sekitar, pengurusan dan penggunaan sumber alam secara berhemah, memelihara keindahan alam semulajadi serta mencegah segala perbuatan yang boleh mendatangkan kerosakan (*fasad*) pada alam sekitar.

Di antara usaha-usaha eko-masjid yang telah dilaksanakan di peringkat antarabangsa adalah pembinaan Masjid Shaykh Zayed di Abu Dhabi yang mengetengahkan konsep penghijauan dengan mewujudkan persekitaran masjid yang dikelilingi taman-taman yang indah, pokok-pokok serta kolam. Kerajaan Qatar juga menetapkan setiap masjid yang akan dibina di negara tersebut haruslah berasaskan model mesra alam, dan mampu menjimatkan air serta tenaga. Di samping itu juga, projek Masjid Cambridge di United Kingdom, turut menitikberatkan konsep bumbung hijau yang membolehkan pencahayaan semulajadi daripada langit secara terus, tenaga yang dijana oleh pam haba daripada sumber tanah dan juga mewujudkan taman komuniti (*community garden*) ke arah mencapai nilai ‘zero footprint’.

Di persisiran bandar Norderstedt di utara Jerman, masjid yang dibina memasang turbin angin di kedua-dua menara setinggi 22 meter untuk menjana tenaga elektrik. Menara di masjid ini tidak lagi berfungsi secara praktikal untuk memanggil umat Islam bersolat, sebaliknya simbol kepada budaya Islam ini telah diubah sesuai dengan peredaran zaman moden. Di Afrika, 40,000 masjid di Eutopia melakukan penanaman 5,000 pokok dalam tempoh tiga tahun akan datang. Sebahagian daripada masjid tersebut akan menjadi masjid eco, yang mewujudkan “woodlots” dalam usaha untuk menjadi berdikari dari segi bekalan bahan api mereka. Setiap masjid eco tersebut akan mempunyai kelab mananam pokok tersendiri yang menjalankan bengkel dan Hari Pokok Tahunan sebagai sebahagian daripada satu usaha yang luas untuk memimpin dan mendidik masyarakat

tentang alam sekitar. Di Uganda, projek penanaman oleh Muslim Green Top Tree bermatlamat untuk mengagihkan tumbuh-tumbuhan dan menumbuhkan 2.5 juta benih-benih buah dan agroforestry. Melihat kepada negara jiran kita, Masjid Al-Mawaddah di Singapura juga mempunyai ciri-ciri kehijauan seperti tiub solar jimat elektrik yang memberi cahaya terus dari langit, atap yang dihiasi dengan taman, lampu sensor gerak, dan paip yang dipasang dengan alat kawalan aliran air. Ia juga mempunyai green wall yang menyuntik rasa ketenangan dan keindahan di dalam dewan solat. Indonesia juga telah meletakkan usaha yang serius dalam menyokong konsep eco-pesantren di beberapa tempat. Antara aspek-aspek kualiti hijau yang mereka fokuskan dalam pemeliharaan dan penjagaan adalah air, tenaga, pengangkutan, pengurusan sisa cecair dan pepejal, tanah untuk perkebunan, kesihatan, biodiversiti dan fiqh al-bi'ah.

## **2.0 IMARAH GREEN PROJECT: SURAU APIUM**

Imarah Green Project: Surau APIUM merupakan sebuah usaha penyelidikan yang digerakkan secara kolektif oleh kumpulan penyelidik daripada Akademi Pengajian Islam, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan rakan-rakan strategik dari dalam dan luar Universiti Malaya di bawah geran penyelidikan Transforming the Role of Surau APIUM for Campus Sustainability through Imarah Green Project (LL031-16SUS). Gerak kerja kelestarian surau ini telah bermula pada 1 Mei 2016 di bawah projek Living Lab yang dikendalikan oleh Kluster Penyelidikan Sustainability Science Universiti Malaya.

Surau APIUM telah ditubuhkan pada tahun 1996 bersama tertubuhnya bangunan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Dalam tempoh 22 tahun ini, ia telah mengalami proses renovasi fizikal secara berperingkat. Surau berstruktur dua tingkat ini mampu menampung seribu orang jemaah ketika solat Jumaat. Secara umumnya, surau ini bukan sahaja menjadi tempat warga APIUM solat berjemaah ia juga turut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti pengisian kerohanian yang lain seperti halaqah, usrah, ceramah, iftar dan sebagainya. Pada hari Sabtu dan Ahad, surau ini turut dikunjungi oleh orang awam yang hadir ke kelas-kelas pengajian awam, seminar dan aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan oleh pelbagai pihak dari dalam dan luar APIUM.

Pada fasa pertama perlaksanaan projek ini (Mei 2016 - Jun 2017), pelajar APIUM dilihat masih belum menunjukkan tahap kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang tingkah laku hijau (*green practices*) seperti menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran surau, mengelakkan pembaziran air dan tenaga elektrik, dan juga amalan kitar semula. Senario ini menggambarkan bahawa mereka mengambil mudah perkara asas yang diajar dalam Islam iaitu menghargai keindahan persekitaran, menjaga kebersihan dan memelihara sumber alam semulajadi. Walaupun masalah ini adalah gambaran biasa pengabaian terhadap alam sekitar dalam masyarakat kita, tetapi ia tetap merupakan isu serius yang perlu ditangani disebabkan oleh para pelajar tersebut merupakan calon graduan atau representatif yang mewakili institusi Islam di UM, di mana mereka seharusnya menjadi sebahagian daripada komuniti yang mesra alam. Keadaan ini tidak selaras dengan anjuran Islam yang sangat menitikberatkan aspek penjagaan dan perlindungan alam sekitar, menjaga keseimbangan komponen alam sekitar, mengelakkan pembaziran sumber alam dan sebagainya.

Justeru, selaras dengan pelaksanaan projek eko-kampus di bawah Living Lab di UM, para penyelidik berhasrat untuk menjadikan surau APIUM dan komunitinya sebagai fokus bagi penyampaian pendidikan lestari di luar bilik kuliah atau dengan kata lain pendidikan secara praktikal di lapangan. Kami percaya bahawa idea menjalankan Imarah Green Project di Surau APIUM akan dapat membantu Susci menyampaikan pendidikan kelestarian alam sekitar kepada komuniti APIUM khususnya, dan masyarakat luar amnya, melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti mesra alam di Surau APIUM, Pusat Kitar Semula APIUM, Urban Garden APIUM, dan Lestari Shop (Sila rujuk bahagian galeri foto). Di antara perkara-perkara asas dalam pelaksanaan Surau lestari ini ialah menggalakkan perubahan tingkah laku dalam kalangan komuniti APIUM bagi mempraktikkan amalan penjimatan air dan tenaga, pengurusan sisa yang sistematik, peningkatan penghijuaan dan biodiversiti serta mengekalkan keindahan dan keceriaan di persekitaran surau.

Pelaksanaan secara berperingkat dalam kempen kesedaran dan juga pembangunan infrastruktur yang mesra alam, serta sokongan padu secara kolektif yang melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan telah membawa perubahan yang positif pada penampilan fizikal dan pembangunan kapasiti warga APIUM dalam konteks mewujudkan surau lestari. Dalam hal ini, pihak penyelidik beriltizam untuk terus menyuburkan lagi amalan surau lestari kepada masyarakat luar, dengan menjemput mengunjungi ke Surau APIUM (*eco-tour*) serta berhasrat untuk mengembangkan lagi modul pelaksanaan Surau lestari di peringkat masjid/surau di seluruh Malaysia.

## **2.1 Objektif Imarah Green Project: Surau Apium**

1. Untuk menonjolkan Surau APIUM sebagai “eco-model” yang akan menjadi contoh supaya dapat dijadikan rujukan oleh masjid- masjid lain.
2. Menterjemahkan budaya mesra alam yang berdasarkan ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah.
3. Memperkasakan Imarah Eco-Friends sebagai kumpulan sukarelawan yang aktif dalam pelbagai aktiviti kelestarian khususnya di Surau APIUM, dan di peringkat luar amnya.

## **3.0 GARIS PANDUAN ISLAM DALAM AMALAN KELESTARIAN SURAU**

Islam mengetengahkan pendekatan yang holistik dalam konteks memupuk amalan kelestarian surau. Perkara penting yang diberikan tumpuan adalah melalui pengukuhan peranan manusia sebagai khalifah Allah. Hal ini kerana, amalan kelestarian surau adalah sebahagian dari tugas khalifah dalam mengurus tadbir alam dengan baik. Menurut perspektif Islam, tanggungjawab khalifah merujuk kepada aktiviti memerintah, mentadbir, mengurus dan seumpamanya sumber alam yang dijadikan oleh Allah untuk kepentingan umat manusia. Status khalifah yang dipikul oleh manusia akan mewujudkan satu jaringan perhubungan di antara manusia sesama manusia, manusia dengan makhluk ciptaan Allah yang lain serta manusia dengan alam fizikal di sekelilingnya. Ini bermaksud seseorang yang menyedari tujuan diciptakan sebagai khalifah bukan sahaja akan berlaku

adil pada dirinya sendiri, tetapi akan turut berkongsi kebaikan dan manfaat bersama makhluk ciptaan Allah yang lain.

Pembangunan sumber manusia merupakan matlamat utama bagi proses pembangunan dalam Islam. Manakala manusia sendiri merupakan agen kepada usaha pembangunan yang akan dijalankan di muka bumi ini. Memandangkan sumber manusia menjadi penentu dan kayu ukur kepada keupayaan satu-satu pembangunan yang dirancang, maka pembangunan sumber manusia dari aspek pengetahuan, kemahiran dan kepakaran perlu terus dipertingkatkan. Bagi memastikan pencapaian matlamat pembangunan, manusia perlu sentiasa bersedia untuk mengambil faedah dari setiap sumber yang ada di dunia ini bagi tujuan untuk terus memakmurkannya. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Yasin, ayat 34;

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَاتٍ مِّنْ تَحْيِلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُثُونِ

Terjemahan: Dan Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan angur, dan Kami pancarkan padanya beberapa mata air.

Ini bermaksud, pembangunan dalam Islam secara tidak langsung juga akan membangunkan kemanusiaan dengan nilai-nilai kejujuran, amanah dan kepatuhan kepada suruhan Allah. Oleh sebab tuntutan kemanusiaan adalah bersifat dinamik, mereka perlu berusaha mencipta dan menyediakan pelbagai kemudahan yang bersifat kontemporer bagi memenuhi keperluan masyarakat hari ini dengan penuh berakhlik dan bertanggungjawab. Hal ini termasuklah pembangunan dari segi kualiti dan kuantiti bagi memastikan kebijakan, keselesaan, kesihatan dan keselamatan masyarakat terjamin. Berdasarkan penjelasan di atas, berhubung keperluan menjaga kelestarian alam, ia bertepatan dengan maksud lain pembangunan dalam Islam iaitu suatu kegiatan penting dan terancang bagi mengubah keadaan buruk kepada baik, dari baik kepada yang lebih baik dan mengekalkan keadaan baik tersebut. Menurut Islam juga, usaha ini mestilah mengambil kira aspek keseimbangan termasuk kepentingan individu dengan masyarakat, dunia dengan akhirat serta kebendaan dengan kerohanian. Saranan ini selari dengan perintah Allah yang termaktub dalam Surah Al-Qasas ayat 77:

وَأَبْتَغِ فِيمَا مَاتَكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ  
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ

الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya: "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

Berhubung perkara ini, terdapat beberapa perkara asas yang telah digariskan di dalam al-Quran dan sunnah. Pertama, meletakkan Tauhid sebagai paksi dan asasnya. Kedua, digerakkan dengan pendekatan yang bersepada dan menyeluruh. Ketiga, menekankan proses pembangunan insan sebagai keutamaan bukan semata-mata keuntungan.

### Pendekatan Islam dalam Pembudayaan Kelestarian Surau

Kesyumulan Islam berhubung hal pembangunan dapat dilihat dengan jelas melalui al-Quran dan hadis. Sebagai contoh, surah al-Maidah ayat 48 telah menekankan aspek pengurusan sumber alam secara bijak tanpa dipengaruhi oleh unsur hawa nafsu yang membawa kepada kerosakan.

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقاً لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيِّنِا عَلَيْهِ فَأَحْكَمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَنْبَغِ أَهْوَاءُهُمْ عَنِ  
جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعْلَنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَاجَا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكُنْ لِيَنْلُوْكُمْ فِي مَا آتَانَكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْحَيْرَاتِ  
إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبَّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَحْكُمُونَ

Terjemahan: Kami turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah

(kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumbalumba lah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.

Begini juga terdapat banyak hadis yang menjelaskan tentang kepentingan penjagaan bumi seperti air, udara, tanah, dan lain-lain. Hakikatnya kesemua elemen ini adalah sangat signifikan dalam konteks kelestarian surau. Hadis Nabi SAW bermaksud; Maksudnya; “Sesungguhnya dunia ini cantik dan subur menghijau dan sesungguhnya Allah menjadikan kamu (wahai manusia) selaku pengurusnya dan apa yang terdapat padanya.” (Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. 2004. (Rujuk: Jami’ al-Tirmizi. Kitab al-Fitan. Hadis No. 2191. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dauliyah). Rajah di bawah menjelaskan secara menyeluruh berhubung pendekatan Islam dalam pembudayaan kelestarian surau.



Rajah 1: Pendekatan Islam dalam Pembudayaan Surau Lestari

Berdasarkan rajah ini, terdapat satu proses penting yang boleh dijadikan panduan agar budaya kelestarian surau dapat direalisasikan dalam kalangan masyarakat. Terdapat empat elemen yang perlu diberi perhatian iaitu ilmu pengetahuan, tazkiyyat al-nafs, dan pembentukan akhlak.

### 1.Illu Pengetahuan

Pemilihan manusia sebagai khalifah berdasarkan kepada keupayaannya yang telah dikurniakan oleh Allah iaitu akal. Akal rasional yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia telah meletakkan kedudukannya lebih tinggi mengatasi para malaikat dan makhluk-makhluk yang lain. Akal rasional inilah yang kemudiannya akan membantu manusia membangunkan idea dan mereka cipta, mengambil manfaat dari alam serta memanfaatkannya. Selain itu, manusia mampu berfikir, membuat rumusan dan mengkonsepsikan sesuatu dengan akal yang logik. Selain dari kemampuan berfikir, minda manusia yang bersifat kerohanian pula membolehkan manusia melihat kebenaran dengan cara yang tertentu, umpamanya melihat bunga bukan sekadar bunga akan tetapi menterjemahkan bunga dari makna kerohanian. Jelasnya, dimensi kerohanian dalam aspek pemikiran manusia memberikan mereka dorongan dan keyakinan serta kebebasan memilih di antara perkara baik dan sebaliknya. Di dalam al-Quran, terdapat perkataan al-Nas yang merujuk kepada fungsi dan kelebihan akal manusia. Perkataan al-Nas ini membawa tiga maksud iaitu Absara, melihat dan berfikir, dengannya manusia dapat mengambil pengajaran. Kedua, ‘Alima, mengetahui/berilmu, dengan ilmu manusia dapat membezakan sesuatu itu benar atau salah. Ketiga, Ista’zana, meminta izin, manusia merupakan makhluk yang beradab, yang kadangkala meminta izin untuk menggunakan sesuatu yang bukan miliknya. Melalui akal yang dianugerahkan ini manusia berupaya menggarap pelbagai bentuk ilmu pengetahuan seterusnya menjadikan mereka makhluk yang berakhlak. Hal ini kerana, Ibn Qayyim telah menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan sahaja yang mampu membina kecenderungan dalam diri manusia untuk berusaha memperbaiki diri termasuk dalam aspek kelestarian surau. Justeru, dalam konteks kelestarian surau, terdapat beberapa ilmu yang mesti dikuasai seperti ilmu pengurusan, sains alam sekitar serta ilmu agama.

## 2.Tazkiyyat Al-Nafs

Tazkiyyat al-nafs merupakan proses kedua yang akan dilalui oleh seseorang individu selepas menguasai ilmu. Hal ini kerana, Sidi Gazalba menjelaskan bahawa pelbagai masalah yang berlaku pada akhlak dan kehidupan adalah berpunca daripada hubungan hati yang jauh dengan Allah S.W.T. Ini bermaksud, aspek kejiwaan akan menentukan bagaimana sikap individu terhadap pembudayaan amalan kelestarian surau.

Tazkiyyat al-nafs bukanlah satu proses yang mudah. Sebaliknya ia memerlukan kesungguhan dan konsistensi dalam aspek pengurusan nafsu, pengukuhan akidah serta penghayatan ibadah. Terdapat beberapa kaedah yang boleh dilakukan bagi melengkapkan proses ini iaitu melalui kawalan diri, refleksi diri dan disiplin diri. Dalam konteks, membentuk budaya surau lestari, ketiga-tiga kaedah ini boleh diimplementasikan melalui beberapa platform. Sebagai contoh; penguatkuasaan peraturan penjagaan surau, mengaktifkan program pengimaranan surau dan memupuk sikap minat membaca melalui pelbagai saluran bagi membina kesedaran. Hubungan amalan tazkiyyat al-nafs ini terhadap pembentukan jiwa dan akhlak telah dinyatakan oleh Allah S.W.T menerusi surah al-Syams ayat 7-10. Allah S.W.T berfirman:

(10) وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا (7) فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتُقْوَاهَا (8) قُدْ أَفْلَحَ مِنْ رَكَّاهَا (9) وَقُدْ خَابَ مِنْ دَسَّاهَا

Maksudnya: *Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahanat, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya, yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya merugilah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).*

Berdasarkan ayat ini, perkataan “fujur” dan “taqwa” merujuk kepada potensi baik dan buruk yang sudah sedia tersemai dalam dasar diri manusia. Namun, manusia mempunyai pilihan untuk mengembangkan mana-mana potensi tersebut. Sehubungan itu, perspektif

Islam melihat penyucian jiwa sebagai satu proses pendidikan sepanjang hayat yang amat penting bagi memastikan potensi baik yang ada dalam diri manusia sentiasa mengatasi potensi buruk. Penghayatan terhadap potensi taqwa itu sendiri boleh dilakukan dengan sentiasa menjaga adab-adab syariat serta menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjauhkan diri daripada Allah. Di samping itu, keutamaan penyucian jiwa dijelaskan oleh Baginda Nabi SAW di dalam sebuah hadis:

Maksudnya: *Ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh terdapat segumpal daging, jika segumpal daging itu baik, maka baik pula seluruh badannya, namun jika segumpal daging itu rusak, maka rusaklah seluruh tubuhnya, ketahuilah gumpalan darah itu adalah hati.* (Hadith Riwayat al-Darimi, "Sunan al-Darimi," Kitab al-Buyu", "bab fi al-Halal bayyin wa al-Haram bayyin, no. Hadith 2419, hadis sahih).

Abdul Halim El-Muhammady turut mengakui pengisian hati dan pembinaan kecenderungan yang baik iaitu tazkiyyat al-nafs menjadi permulaan kepada proses pembentukan akhlak. Proses ini bukan sahaja akan memperbaiki hubungan manusia dengan Allah tetapi juga hubungan sesama manusia dan alam. Sebagai contoh; dalam konteks pembudayaan surau lestari, ilmu dan tazkiyyat al-nafs akan membentuk kesedaran tentang rasa tanggungjawab dalam diri manusia untuk berperanan sebagai khalifah. Keadaan ini secara tidak langsung akan membantu individu untuk berusaha melakukan sesuatu khususnya dalam mengotimumkan fungsi surau supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Dengan ini, ia bukan sahaja akan mendorong seseorang untuk berusaha menyempurnakan diri sendiri bahkan turut sama membantu manusia lain dan alam fizikal ke arah kebaikan.

Perkara ini menepati maksud perintah Allah di dalam Surah Al-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمَلُ مَسَاجِدُ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَةَ وَلَمْ يَخْشُ إِلَّا اللَّهُ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهَذَّبِينَ

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan

sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

### 3.Akhhlak

Kesedaran yang terbentuk hasil daripada penghayatan ilmu dan tazkiyyat al-nafs akan menghasilkan akhlak yang baik pada seorang individu. Al-Ghazālī, Miskawayh, Al-Balkhī dan Abul Quasem dalam menjelaskan tentang akhlak mengatakan bahawa ia adalah tabiat yang dibentuk melalui tingkahlaku yang dilakukan secara berulang. Ini bermaksud, kesedaran sahaja tidak mencukupi, tetapi aktiviti kelestarian surau juga perlu menjadi amalan harian agar budaya tersebut benar-benar dapat direalisasikan. Penekanan berhubung dengan aspek akhlak ini telah dinyatakan di dalam al-Quran menerusi surah al-Naba' ayat 18 yang bermaksud:

***Maksudnya: Iaitu hari (pada waktu itu ditiup sangkakala) lalu kamu datang  
berkelompok-kelompok (mengikut amalan dan akhlak)***

Bagi mencapai tujuan tersebut, ruang dan peluang perlu diwujudkan menerusi pelbagai bentuk strategi dan pendekatan. Sehubungan itu, Imarah Green Project Surau APIUM, merupakan salah satu platform yang telah menyediakan peluang dengan penganjuran program dan aktiviti berbentuk keilmuan. Pelbagai mekanisme juga disediakan. Contohnya, perlaksanaan bengkel pengurusan alam sekitar, projek pengumpulan bahan-bahan terbuang secara berkala, pengumpulan dan penjualan barang terpakai, aktiviti penanaman pokok dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga beberapa kemudahan dan infrastruktur yang telah disediakan di surau dan kawasan di sekitarnya. Antaranya, Rain Water Harvesting System, Mr Thimble, Urban Garden dan Living Green wall. Kesemua ini boleh dimanfaatkan untuk tujuan meningkatkan penjimatan air, penghijauan dan biodiversiti. Oleh yang demikian, semua pihak yang menggunakan surau APIUM boleh menerima manfaat sekaligus meningkatkan kesedaran serta menggalakkan amalan

kelestarian surau APIUM Universiti Malaya. Perkara ini jelas menepati saranan Islam yang mementingkan soal maslahah umat dalam apa jua perkara yang dilakukan. Dari Anas bin Malik, sabda Nabi SAW:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ

Maksudnya: “*Tidaklah seorang Muslim yang menanam tanaman atau bertani, lalu ia memakan hasilnya atau orang lain dan binatang ternak yang memakan hasilnya, kecuali semua itu dianggap sedekah baginya”* (Sahih Muslim, no: 1553)

Secara keseluruhan, kesemua proses yang telah dibincangkan di atas membawa maksud pembudayaan surau lestari perlu bermula daripada penghayatan ilmu seterusnya proses tazkiyyat al-nafs sehingga halah kepada pembentukan akhlak yang menerbitkan tingkah laku mesra alam selaras dengan ajaran Quran dan Sunnah.

## 4.0 AMALAN SURAU LESTARI

Beberapa aspek telah ditingkatkan di Surau APIUM bagi menjadikan ianya surau lestari, iaitu:

### 4.1 Menjimatkan Penggunaan Air Paip

- “Rain water harvesting system” atau sistem pengumpulan air hujan
  - Telah dipasang di Surau APIUM dengan kerjasama Water Warriors UM pada 12 Oktober 2017
  - Mempunyai:
    - UV Filter
    - Pressure Gauge
    - Water pressure pump
    - Sand filter

- Kapasiti RWHS ini mampu menyimpan air sebanyak 3000 L iaitu terdapat 4 tangki dimana setiap tangki mampu meyimpan 750 L air hujan.
- Air hujan ini telah disambungkan di paip mengambil wudhu dan ia juga selamat digunakan untuk kegunaan lain.
- Mr Thimble
  - Dipasang di seluruh paip wudhu' Surau APIUM
  - Memperlakukan aliran air keluar
  - Penyekat air 4 lubang yang kelihatan seperti "butang", dipasang pada paip air untuk mengurangkan kadar pengeluaran air. Jumlah air yang mengalir (liter/saat):
    - Tanpa Mr Thimble: 0.194
    - Mr Thimble: 0.103
- Kempen kesedaran
  - 'Signage' ditampal pada bahagian tempat wudhu'

## 4.2 Menjimatkan Penggunaan Tenaga Elektrik

- Led bulb
  - Pemasangan lampu LED yang telah di taja oleh pihak MAIWP bagi menggalakkan penjimatan tenaga elektrik.
  - Pemasangan lampu LED siap dipasang pada 15 Februari 2017
  - Jenis lampu LED yang dipasang adalah FSL
  - Sebanyak 285 lampu di dalam surau APIUM telah dipasang dengan lampu LED
- Kempen kesedaran (signage) – mengingatkan pengguna untuk menutup suis selepas menggunakan.
- Amalan membuka aircond hanya pada hari jumaat
  - Pemasangan aircond hanya dibuka bermula pukul 10.30 pagi pada hari Jumaat bagi kegunaan Solat Jumaat dan ditutup semula setelah selesai Solat Jumaat.

### **4.3 Menguruskan Sampah Secara Sistematik**

- Recycling Center
  - Terletak berhadapan Blok A, APIUM
  - Catatan jumlah berat barang kitar semula dibuat setiap bulan oleh pelajar
    - Ogos: 66.7 kg
    - September: 34.3 kg
    - Oktober: 6.85 kg
    - November: 120.32 kg
  - Barang-barang yang boleh di kitar semula akan di jual kepada vendor
    - Jumlah jualan kepada vendor: Oktober – Disember: RM 119.60
- Lestari Shop
  - Lestari shop adalah kedai yang menjual barang yang masih baik untuk digunakan dengan harga yang murah.
  - Barang yang disumbangkan adalah daripada warga universiti dan orang luar
  - Terletak di Aras 2, Blok B, Akademi Pengajian Islam dan telah dirasmikan oleh Dato'Seri Ir. Dr. Zaini Ujang pada 15 Mei 2018
  - Jualan yang dijalankan telah mendatangkan banyak hasil iaitu:
    - Oktober: RM 61
    - November: RM 275
  - Timbangan berat barang yang diterima
    - November 2017 – 11.3 kg
    - Disember 2017 – 10.9 kg
    - Januari 2018 – 15.0 kg
    - Februari 2018 – 2.8 kg
    - April 2018 – 40.0 KG
    - Mei 2018 – 72.0 KG
- Jadual bertugas membersihkan surau oleh pelajar
  - Jadual bertugas membersihkan surau adalah dalam kalangan pelajar dan dibahagikan mengikut hari dan lajnah-lajnah jabatan di APIUM.

→ Ianya dipantau oleh Imarah Eco-Friends dan PMAPIUM

#### **4.4 Menghijaukan Persekutuan dan Meningkatkan Biodiversiti**

- Urban Garden
  - Pokok Gantung
  - *Vertical Farming*
  - Pokok diatas rak bunga
- Planter Box
  - Terdapat 3 planter box di kawasan sekitar surau yang ditanam dengan pokok bunga.
- Green Vegetation
  - Batas dibuat dalam 4 baris dimana terdapat sayuran yang boleh dimakan ditanam iaitu: ulam raja, kangkung, pandan, pokok kari, pokok kunyit, limau purut dan limau kasturi.
- Living green wall
  - Dipasang di anjung Surau APIUM

## **5.0 PEMANTAUAN DAN PENTADBIRAN**

Kluster Penyelidikan Sustainability Science melalui UM Living Labs dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam.

## **6.0 SENARAI SEMAK PELAKSANAAN AMALAN LESTARI**

Senarai semak boleh dirujuk kepada Ketua Projek *Imarah Green Project* (Dr. Asmawati Muhamad) untuk butiran lanjut.

### **6.0 RAKAN STRATEGIK**

#### CAPACITY BUILDING

- SWCorp
- GoGreen
- NGO GRASS
- JAWI
- IKIM

#### GREEN INFRASTRUCTURE

- LIVING GREEN WALL
- MAIWP
- JPPPHB
- WATER WARRIORS
- ZWC

#### COMMUNITY ENGAGEMENT

- Go Green Malaysia
- IAIS
- Musolla Al-Furqan SK Bukit Damansara

## Kempen Kesedaran Alam Sekitar

- NGO GRASS Malaysia (Group Alam Sekitar Sejahtera)
- PMAPIUM
- ZWC

## 7.0 GALERI FOTO



Surau Akademi Pengajian Islam, UM



Majlis pelancaran Imarah Green Project



Majlis pelancaran Lestari Shop



Lawatan Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang ke kawasan sekitar Surau APIUM

## **ANTARA AKTIVITI IMARAH ECO-FRIENDS**



Usrah Alam Sekitar (IEF)



Lawatan ke ZWC, UM

Kedua-dua contoh aktiviti ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran alam sekitar.

## **ASPEK KELESTARIAN YANG TELAH DITINGKATKAN DI SURAU APIUM**

### **1. Penghijauan dan biodiversiti**



Pokok gantung



Batas tanaman sayuran



Ulam Raja



Daun Kunyit



Daun serai



Pokok limau purut



Living Green wall



Vertical farming



Pokok pandan dan pegaga yang ditanam menggunakan teknik *self-watering pots*



Pokok yang ditanam dalam tayar terpakai



Taman mini di kawasan belakang Surau APIUM

## 2. Penjimatan air



*Rain Water Harvesting System*



Encik Affan Nasaruddin (Pegawai Projek Water Warriors) menerangkan tentang *Mr Thimble* yang dipasang pada paip wudhu' Surau APIUM



Papan tanda *Mr Thimble* yang telah dipasang dipaip air dan peringatan supaya menjimatkan air ketika mengambil wudhu

#### **4. Pengurusan sisa yang sistematik**

##### *I. Lestari Shop*



*Lestari Shop* yang terletak di Aras 2, Blok B, APIUM



Tali leher



Baju kanak-kanak



Baju lelaki



Baju kurung

## II. Pusat Kitar Semula APIUM



*Banner untuk mempromosikan aktiviti kitar semula*



Pusat Kitar Semula APIUM



Tong sampah kitar semula



Proses untuk menjual barang kitar semula kepada vendor

**Sidang Editor:**

**Editor :**

Profesor Madya Dr. Sumiani Yusoff

**Ketua Projek *Imarah Green Project* :**

Dr. Asmawati Muhamad

**Barisan Penyelidik bersama *Imarah Green Project***

**Penolong Penyelidik :**

Nor Farhanim Zainol

**Penolong editor :**

Aireen Zuriani Ahmad (UM Living Labs)

Mohd Fadhli Rahmat Fakri (UM Eco-Campus)